

Teori Darwin Berbentuk Mukamat atau Mutasyabihat?

Jika anda dari kalangan sahabat bukan Islam mari fikirkan logiknya petunjuk ini. Jika anda seorang Islam tentu anda memiliki (wajib memiliki) sebuah terjemahan AlQuran, bukalah surah 5, Al-Maidah, ayat 60 dan sama sama renungkan. Kemudian sama sama kita muhasabah (hisab dan nilai status kita di mana?).

[Sedang dibincangkan di FB Warga Prihatin.](#) Sila klik untuk mengikutinya.

Semuga bermanfaat. Doa selamat buat seluruh sahabat prihatin sedunia.

SILA KLIK FOTO DI BAWAH UNTUK MEMBESARKANNYA



Peri Pentingnya Ibu Melangkah Ke Syurga

Renungan untuk para anak, ibu dan bapa demi memastikan pembentukan generasi yang berakhlak di masa depan.

Sedikit demi sedikit peradaban kita terhakis sehingga pembaikannya menjadi amat sukar. Apa pun mengeluh saja tiada gunanya. Setiap diri harus menentukan hala tuju perjalanan agar tapak kaki yang akan diikuti itu benar benar menempatkan anak yang cuba mematuhi perintah Allah untuk meletakkan syurga di tapak kaki ibu benar benar menjadi kenyataan.

[Sedang dibincangkan di FB Warga Prihatin.](#) Sila klik untuk mengikutinya.

Semuga bermanfaat. Doa selamat buat seluruh sahabat prihatin sedunia.

SILA KLIK FOTO DI BAWAH UNTUK MEMBESARKANNYA



Selagi Umat Islam Tidak Bersatu Ia Akan Gagal Menyatukan Umat Lain

Perpecahan umat Islam bermula sejeurus selepas zaman wafatnya Nabi saw. Perang Jamal menyaksikan 12,000 umat Islam gugur, perang Siffin 90,000 umat terbunuh, dibunuh sesama sendiri.

Agenda perang saudara diteruskan oleh Iran vs Iraq, Iraq vs Kuwait dan begitulah juga kita di sini. Kenapa kita tidak pernah sedar dan serik..??? perlukah kita meratapi nasib Palestine vs Israel jika kita masih seronok melayani nafsu perpecahan yang tidak berkesudahan ini?

Ini adalah sekadar nasihat membina, ikhlas untuk semua yg berfikiran terbuka. tidak berniat untuk kondem sesiapa. Sekadar menuntut tindakan serius ke arah perpaduan yg sebenar. Kita telah banyak membuang masa, belanja dan tenaga bercakaran sesama sendiri. Semakin hampir pilihanraya, maka perpecahan dilihat semakin nyata. Ayuh bangkit lah dari lena. Takutlah pd ancaman Allah... perpecahan ini mempamerkan sikap kita yg menentang Allah terang terang.

Jika Islam itu persaudaraan, maka perpecahan tanda kita tidak Islam, oleh itu mari kita muhasabah diri kita, masih Islam kah kita? ayuh renung ke dalam diri masing-masing.

[Isu ini sedang dibincangkan di FaceBook Warga Prihatin. Sila Klik text ini untuk mengikutinya.](#)

SILA KLIK FOTO UNTUK MEMBESARKANNYA



1Malaysia – Chinese New Year Bersama Heng Glass

Puchong – 1 Feb 2011



Sudah lama niat Prihatin ingin berkongsi cerita menarik ini tapi kesibukan semua sukarelawan tidak mengizinkan kami berbuat begitu.

Pada tarikh tersebut di atas, keluarga Mr Fong dan seluruh kakitangan Heng Glass yang telah menaja papan untuk pembinaan Rumah Prihatin telah mengadakan majlis khas sempena Chinese New Year. Ia di adakan beberapa hari sebelum ketibaan Chinese New Year. "saya mahu menyambut New Year tahun ini bersama Warga Prihatin terlebih dahulu, sebelum pulang ke kampung menyambutnya bersama sanak saudara" , ujar Mr Fong.



Dalam majlis khusus di perkarangan kilang Heng Glass itu, seluruh Warga Prihatin diberi keistimewaan dengan jamuan pelbagai juadah. Kami turut menyumbangkan pelbagai persembahan termasuk silat, nyanyian 'Kong sikong sili', 'We are

the world' dll. Bapa Mertua Keluarga Mr Fong dan para direktor syarikat turut menyanyikan lagu melayu asli dengan penuh keceriaan sebagai tanda penjiwaan muhibbah dan keperihatinan.



Alangkah indahnyanya hidup ini bila di penuh dengan rasa kasih sayang dan saling hormat menghormati antara kaum, antara agama tidak mengira lapisan umur dan status sosial masing masing.

Semuga wawasan 1Malaysia yang telah lama di established kan

oleh Warga Prihatin ini dapat menunjang kejayaan wawasan 1Malaysia dan satu dunia satu bangsa. Biarlah perbezaan agama dan bangsa kita gunakan untuk kebaikan, untuk membanyakkan cetusan, tidak sekali kali kita gunakan untuk mencetuskan kemusnahan.

Sila buka [menu Galeri foto Mac 2012](#) jika anda ingin mendapatkan gambaran jelas melalui foto secara keseluruhan mengenai majlis ini.

Wassallam.